

Bank, institusi kewangan digesa buat

UM 12 OCT 2003

CYBERJAYA 11 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa bank dan institusi kewangan membuat pelaburan untuk idea-idea dan ciptaan baru bagi menggalakkan pengembangan sains dan teknologi (S&T) dalam negara.

Beliau agak kesal kerana bank dan institusi kewangan masih tidak berani mengambil risiko itu sebaliknya masih terus

mengeluarkan pinjaman dan pelaburan berasaskan cagaran.

Dalam hal ini, tegasnya bank dan institusi kewangan perlu menukar pemikiran dan cara bekerja dalam menilai ciptaan dan idea baru bagi membolehkan teknologi baru dihasilkan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan bangunan baru, makmal penyelidikan InventQjaya Sdn Bhd (IQJ) di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan percaya ia mengambil masa sebelum pihak bank dan institusi kewangan mengubah pemikiran dan cara mereka bekerja.

Sambil mengakui kerajaan juga sebelum ini menghadapi masalah untuk melabur dalam sains dan teknologi kerana ada pihak yang meragui langkah tersebut.

Bagaimanapun katanya, akhirnya ke-

pelaburan pengembangan S&T

rajaan mengambil risiko memperuntukkan perbelanjaan besar untuk menubuhkan IQJ.

Ditanya sama ada kerajaan akan memperluaskan liputan dana IRPA oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Perdana Menteri berkata: "Bukan soal perluas (yang penting) tetapi soal penilaian. Kita hendak tahu sesuatu idea itu boleh jadi atau pun tak boleh jadi.

"Oleh itu kita minta dipertunjukkan dulu, tapi dia tak boleh tunjuk melainkan dia buat. Untuk dia buat sesuatu dia perlu wang, tak ada wang dia tak boleh tunjuk.

"Jadi yang mana satu? Di mana kita perlu mulakan, bagaimana untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu? soalnya.